

LTAT UMUM DIVIDEN, BONUS 12 PERATUS BAGI 2016 Ms.8



LTAT umum dividen, bonus khas 12 peratus

Fakta nombor

RM811 JUTA

pendapatan LTAT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

➔ Agihan lebih tinggi berbanding purata kadar sejak Lembaga Tabung Angkatan Tentera ditubuhkan

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan dividen dan bonus khas pada kadar 12 peratus bagi 2016, lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan bonus sejak lembaga itu ditubuhkan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata ia meliputi enam peratus dividen dan selebihnya bonus khas berbentuk unit amanah saham kepada pencarum aktif.

Katanya, pembayaran bernilai keseluruhan RM685.5 juta itu susulan kejayaan LTAT memperoleh pendapatan RM811 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, meningkat 5.8 peratus berbanding RM766.8 juta pada 2015.

“Secara purata, kadar diumumkan tahun ini lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan

bonus sejak LTAT ditubuhkan, iaitu sebanyak 11.3 peratus,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Nilai aset meningkat

Katanya, nilai aset LTAT meningkat 2.2 peratus kepada RM9.5 bilion berbanding RM9.3 bilion pada 2015, manakala caruman RM8.6 bilion berbanding RM9 bilion selepas memproses permohonan pengeluaran RM1.7 bilion daripada 11,179 pencarum.

“Selain itu, pelbagai pembayaran, insentif dan sumbangan dibuat termasuk bayaran kepada 1,952 pencarum yang layak beli rumah pertama atau tanah bagi membina rumah di bawah Skim Pengeluaran Perumahan LTAT dengan jumlah keseluruhan RM15.9 juta.

“LTAT juga membayar RM5.7 juta kepada 170 waris kepada ahli yang meninggal dunia menerusi skim faedah kematian dan 55 pencarum membabitkan nilai RM1.8 juta di bawah skim faedah hilang upaya,” katanya.

